

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTA JAM]**

TARIKH : **25.05.2016 (RABU)**

NO. SOALAN : **58**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan statistik bilangan pegawai lantikan Kerajaan Persekutuan seperti JKKKP, pegawai penyelarass, pegawai perpaduan, ahli majlis perwakilan penduduk, pengerusi suruhanjaya pelabuhan, dan badan-badan berkaitan, pembantu-pembantu dan yang berkaitan di Pulau Pinang, jumlah gaji mereka dan tempoh lantikan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan JKKKP Negeri Pulau Pinang adalah seramai 488 orang dan tempoh lantikan adalah selama 2 tahun. Pengerusi JKKKP diberi elaun sebanyak RM 800.00 sebulan manakala setiausaha JKKKP diberi elaun sebanyak RM 300.00 sebulan.

Bagi tahun 2016, Pegawai Penggerak Perpaduan telah dilantik secara rasmi oleh Ketua Pengarah Perpaduan selepas mendapat mandat YB Menteri di JPM dan diluluskan peruntukan mengurus. Pemilihan Penggerak Perpaduan ini disyorkan oleh Ahli Parlimen Kawasan dan penempatan pegawai tersebut berdasarkan keperluan semasa. Mulai 27 April 2016, seramai 44 orang Penggerak Perpaduan telah menerima surat pelantikan dan perjawatan secara kontrak dengan gred gaji S32.

Penubuhan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) adalah inisiatif Kerajaan bagi melaksanakan transformasi pengurusan bandar selain membantu Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berinteraksi secara langsung dan berkesan dengan penduduk setempat. Sehingga 1 Mei 2016, sejumlah 403 anggota JPP Negeri Pulau Pinang telah dilantik secara berperingkat berkuat kuasa 1 Ogos 2014 sehingga 31 Julai 2016 yang terdiri daripada 48 Pengerusi, 44 Setiausaha dan 311 Ahli Jawatankuasa.

Pelantikan 403 anggota JPP Negeri Pulau Pinang memberi implikasi kewangan sebanyak RM840,750.00 setahun bagi membiayai Elaun Pengerusi, Elaun Setiausaha, Elaun Kehadiran Mesyuarat dan Elaun Keraian. Tempoh lantikan anggota JPP bagi satu (1) penggal adalah tidak melebihi dua (2) tahun.